

KEM KEPIMPINAN PELAJAR 2017

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/1718-kem-kepimpinan-pelajar-2017

Leadership Development & Management Institute (LDMI) TUDM telah terlibat dalam satu Kem Kempimpinan Pelajar Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan, Tanjung Bungah, Pulau Pinang. Program ini merupakan salah satu daripada National Blue Ocean Strategy (NBOS). Program ini telah dijalankan selama 3 hari 2 malam serta melibatkan seramai 15 Anggota Staff LDMI yang menjadi Fasilitiator.



Program ini telah di anjurkan oleh pihak Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan. Pegawai Memerintah Leadership Development & Management Institute (LDMI) Lt Kol Mohd Safiee bin Mohd Yusof telah merasmikan Kem Kempimpinan Pelajari yang telah julung kali diadakan melalui kerjasama antara Pihak LDMI TUDM dan Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan.



Pengetua Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan En Eshamuddin bin Abd Rahim turut mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian Pihak LDMI TUDM untuk melibatkan diri dalam Program ini. Kem Kempimpinan ini bertujuan untuk meningkatkan jati diri serta daya tahan diri dari segi mental, fizikal, sahsiah serta disiplin diri pelajar-pelajar. Seramai 80 orang pelajar Sekolah Pendidikan Khas dan enam guru sekolah yang terlibat. Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan ini terdiri daripada Pelajar -pelajar pekak dan bisu.